

# Analisis Seragam bagi Kawalan Lucu\*

Hiroki Nomoto

## 1 Pengenalan

### 1.1 Pernyataan Masalah: Kawalan Lucu dan Ketaksaan

Bahasa Melayu (dan juga bahasa Indonesia) mempunyai sebuah binaan yang agak unik dan menarik perhatian ramai pengkaji dan pengajar bahasa Melayu, khususnya mereka yang bukan penutur jati bahasa Melayu (Kaswanti Purwo 1984; Verhaar 1988; Shoho 1995, 2004; Arka 2000; Musgrave 2001; Gil 2002; Sato 2004; Fukuda 2007; Polinsky dan Potsdom 2008). Gil (2002) mengistilahkan binaan ini ‘funny control’. Setahu penulis, belum ada penulis lain yang pernah menamakan binaan itu. Maka dalam makalah ini, penulis akan turut menggunakan istilah asal yang telah digunakan oleh Gil, dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu sebagai ‘kawalan lucu’. Berikut diperturukkan contoh kawalan biasa (1), dan diikuti dengan contoh kawalan lucu (2).

- (1) Binaan kawalan biasa  
Polis cuba menangkap Mat Rempit itu.
- (2) Binaan kawalan lucu  
Mat Rempit itu cuba ditangkap polis.

Dari segi sintaksis, perbezaan di antara (1) dan (2) adalah dari segi diatesis sahaja. (1) adalah aktif (cf. awalan *meN-*) manakala (2) adalah pasif (cf. awalan *di-*). Walau bagaimanapun, dari segi semantik, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua binaan tersebut, yakni kawalan biasa mempunyai satu tafsiran sahaja, manakala kawalan lucu pula mengandungi dua tafsiran. Dengan perkataan lain, kawalan lucu memperlihatkan ketaksaan. Hal inilah yang menjadikan binaan kawalan lucu dalam bahasa Melayu ini begitu unik berbanding dengan bahasa-bahasa di dunia, kerana dalam kebanyakan bahasa lazimnya pasangan ayat seperti (1) dan (2) tidak berbeza jumlah tafsirannya. Perhatikan terjemahan kedua-dua ayat tadi dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun di bawah:

---

\*Makalah ini berdasarkan kertas kerja penulis yang dibentangkan di 12th International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics (ISMIL), yang diadakan di Leiden, Belanda, 26–27 Jun 2008. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada para informan bagi kajian ini: Kartini binti Abd. Wahab, Mat Zubir bin Ladin, Mohd. Azizul bin Ladin, Noradilah Mohd Nasir dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. Penulis juga menghargai ulasan membina yang diberikan oleh penyelia penulis Hooi Ling Soh dan para peserta di ISMIL, terhadap draf makalah ini.

Contoh ayat yang diberi dalam makalah ini adalah dalam Bahasa Melayu Formal Standard yang digunakan di Malaysia, melainkan dinyatakan sebaliknya.

- (3) a. The police tried to catch the motorcycle gang.  
 b. The motorcycle gang tried to be caught by the police.
- (4) a. Keisatu-wa sono boosozoku-o tukamae-Ø yootosi-ta.<sup>1</sup>  
 polis-TOP itu Mat.Rempit-ACC tangkap-ACT cuba-PST  
 ‘Polis mencuba untuk menangkap Mat Rempit itu.’  
 b. Sono boosozoku-wa keisatu-ni tukamae-rare yootosi-ta.  
 itu Mat.Rempit-TOP polis-oleh tangkap-PASS cuba-PST  
 ‘Mat Rempit itu mencuba untuk ditangkap oleh polis.’

Berdasarkan (3) dan (4) di atas, maka adalah jelas mengapakah binaan seperti (2) dinamakan sebagai kawalan “lucu” oleh Gil. Terjemahan ayat bahasa Melayu (2) ke dalam bahasa Inggeris (3b) dan bahasa Jepun (4b) tidak membawa maksud asal atau memperlihatkan makna yang sama seperti dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, ia membawa suatu maksud yang kelakar; kita tahu bahawa Mat Rempit itu lazimnya dikejar oleh polis yang hendak menangkap Mat Rempit tersebut. Justeru oleh kerana sebab yang sama, misalnya frasa bahasa Melayu *sampah yang hendak dibuang Ali*, jika diterjemahkan secara langsung ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun, bermakna seolah-olah sampah itu hidup dan berharap agar Ali membuang dirinya. Sudah tentulah tafsiran “lucu” seperti ini bukanlah makna yang disampaikan daripada ungkapan asal dalam bahasa Melayu. Kita istilahkan jenis tafsiran seperti dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun tadi sebagai ‘tafsiran kawalan biasa’ manakala jenis tafsiran yang paling sesuai untuk konteks (2) dalam bahasa Melayu tadi sebagai ‘tafsiran bersilang’.<sup>2</sup>


Kedua-dua jenis tafsiran, iaitu tafsiran kawalan biasa dan tafsiran bersilang, dapat digambarkan seperti berikut:

- (5) a. Tafsiran kawalan biasa
- |                            |                                |                               |
|----------------------------|--------------------------------|-------------------------------|
| Mat Rempit itu             | cuba ditangkap                 | polis.                        |
|                            |                                |                               |
| yang cuba                  | yang ditangkap                 | yang menangkap                |
| (arg. luaran <i>cuba</i> ) | (arg. dalaman <i>tangkap</i> ) | (arg. luaran <i>tangkap</i> ) |
- b. Tafsiran bersilang
- |                            |                                |                               |
|----------------------------|--------------------------------|-------------------------------|
| Mat Rempit itu             | cuba ditangkap                 | polis.                        |
|                            |                                |                               |
| yang cuba                  | yang ditangkap                 | yang menangkap                |
| (arg. luaran <i>cuba</i> ) | (arg. dalaman <i>tangkap</i> ) | (arg. luaran <i>tangkap</i> ) |

Dengan andaian bahawa *cuba* dan *ditangkap* berada dalam klausa yang berlainan, maka argumen luaran (*external argument*) bagi *cuba*, iaitu orang yang mencuba, mempunyai rujukan yang sama dengan argumen dalaman (*internal argument*) bagi *(di-)tangkap*, iaitu *Mat Rempit*, dalam tafsiran kawalan biasa (5a). Dalam tafsiran bersilang pula, argumen luaran bagi *cuba* mempunyai rujukan yang sama dengan argumen luaran bagi *(di-)tangkap*, iaitu *polis*. Perhatikan bahawa cara perhubungan argumen dalam tafsiran kawalan biasa adalah sama dengan tafsiran untuk binaan kawalan biasa (1), seperti yang diberikan dalam (6) di bawah:

<sup>2</sup>Kedua-dua istilah ini adalah terjemahan daripada istilah ‘normal control reading’ dan ‘crossed reading’ dalam Polinsky dan Potsdom (2008).

(6) Tafiran bagi binaan kawalan biasa (1)



Hal ini menunjukkan bahawa terdapat suatu aspek atau ciri khusus dalam bahasa Melayu, dan bukannya dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa Jepun. Persoalannya sekarang ialah: mengapakah tafsiran bersilang timbul dalam binaan kawalan lucu dalam bahasa Melayu?<sup>3, 4</sup>

Sebenarnya, permasalahannya lebih rumit kerana, seperti yang dinyatakan pada awal perbincangan tadi, binaan kawalan lucu ini bersifat taksa. Ia mempunyai bukan sahaja tafsiran bersilang tetapi juga tafsiran kawalan biasa. Hal ini kelihatan tidak begitu ketara dalam ayat (2), disebabkan gangguan daripada pengetahuan tentang dunia sebenar yang menyembunyikan tafsiran kawalan biasa, yang tidak mungkin betul dalam situasi biasa. Contoh yang lebih jelas yang menunjukkan bahawa binaan kawalan lucu sememangnya mempunyai tafsiran kawalan biasa ialah ayat condong dalam petikan daripada sumber internet yang berikut:

- (7) Ya allah!  
Sekelip mata kau merampas dia dariku...  
Kau bawa ia pergi dariku...  
Semalam aku menyemai cinta....  
Hari ini cinta itu dirampas, lantaran kuasaMu...  
Aku gagahi diri untuk pasrah....  
Berkali pun aku belajar bercinta....  
*Berjuta kali pun aku cuba dicintai....*  
Cinta itu tetap bukan milikku....  
Kematian penyudah cintaku... <sup>5</sup>

Dalam ayat condong dalam (7) di atas, argumen luaran bagi *cuba*, iaitu orang yang 'cuba', ialah argumen dalaman bagi *(di-)cintai*, iaitu *aku*, dan bukannya argumen luaran, iaitu orang yang mencintai 'aku' yang tidak dinyatakan secara eksplisit. Untuk contoh lanjut yang membuktikan ketaksaan binaan kawalan lucu, lihat dalam Lampiran. Den-

<sup>3</sup>Namun begitu, ayat seperti *Food and drinks are not allowed to be consumed on the bus* dalam bahasa Inggeris rupa-rupanya mempunyai tafsiran bersilang. Ini kerana pemeran (*participant*) yang (tidak) diberi izin adalah bukan argumen dalaman bagi *consume(d)*, iaitu *food and drinks*, tetapi argumen luaran bagi kata kerja berkenaan, iaitu orang yang mana pesanan ayat ditujukan. (cf. *Food and drinks are consumed by you; You are not allowed to consume food and drinks.*)

<sup>4</sup>Menurut Polinsky dan Potsdom (2008), tafsiran bersilang juga dapat ditemui dalam beberapa bahasa Austronesia lain termasuk bahasa Jawa, bahasa Tagalog, bahasa Malagasy, bahasa Tukang Besi, bahasa Tonga dan bahasa Samoa. Bagaimanapun, mereka hanya membincangkan predikat yang bermakna 'mahu' atau 'ingin' dalam bahasa-bahasa berkenaan. Seperti mana yang akan dijelaskan di bawah, predikat yang muncul dalam binaan kawalan lucu tidak terbatas kepada predikat yang bermakna keinginan. Oleh itu, tidak dapat dipastikan sama ada bahasa-bahasa yang disebut mereka mempunyai tafsiran bersilang pada tahap binaan seperti bahasa Melayu ataupun tafsiran bersilang yang merupakan sesuatu idiosinkratik dengan perkataan 'mahu/ingin'.

<sup>5</sup>Tokeikedai Online Hyper Portal: Cinta...Bukan Milikku 10, [http://www.tokeikedai.net.my/v8/index.php?module=News&func=main&name=News&file=article&sid=5055&comments\\_startnum=1](http://www.tokeikedai.net.my/v8/index.php?module=News&func=main&name=News&file=article&sid=5055&comments_startnum=1), diakses 07/06/2008.

gan adanya banyak contoh yang serupa, jelas sekali bahawa binaan kawalan lucu pada dasarnya bersifat taksa antara tafsiran kawalan biasa dan tafsiran bersilang. Satu lagi fakta yang penting ialah bahawa binaan kawalan biasa cuma mempunyai satu tafsiran sahaja. Jesteru, persoalan yang harus dijawab adalah:

- Mengapakah binaan kawalan lucu mempunyai dua tafsiran seperti yang dihuraikan di atas?
- Mengapakah hanya binaan kawalan lucu sahaja yang memperlihatkan ketaksaan?

Kedua-dua persoalan inilah yang akan cuba dibincangkan dalam makalah ini.

## 1.2 Pemerian Deskriptif: Morfosintaksis dan Penggunaan Sebenar

Sebelum memulakan perbincangan mengenai kedua-dua persoalan ini, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan pola sintaksis dan penggunaan binaan kawalan lucu. Binaan kawalan lucu mempunyai pola sintaksis seperti yang berikut:

- (8) Pola sintaksis binaan kawalan lucu  
NP1 ‘predikat lucu’ PASS-V (oleh) (NP2)

Struktur sintaksis binaan kawalan lucu yang lebih terperinci akan dibincangkan di bahagian-bahagian akan datang.

Dalam (9) di bawah disenaraikan contoh predikat lucu.

- (9) Senarai ‘predikat lucu’  
berani, berjaya, berhak, berhasil, berusaha, cuba, enggan, gagal, hendak (*lisan* nak), ingin, layak, mahu (*lisan* mau), malas, malu, mampu, rela, sempat, suka, takut, terpaksa

Walau bagaimanapun, senarai ini bukanlah merupakan senarai yang lengkap kerana ia hanya mengandungi perkataan yang dapat ditemui oleh penulis berdasarkan contoh kedua-dua tafsiran dengan perkataan tersebut di dalam penulisan, sama ada dalam bentuk cetak mahupun digital. Untuk contoh penggunaan sebenar ayat yang melibatkan predikat lucu dalam senarai (9), lihat Lampiran. Senarai ini akan bertambah banyak jika kita mempertimbangkan lebih banyak data. Pada asasnya, predikat lucu mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- (10) a. Aspek semantik: Makna predikat lucu berkaitan dengan modaliti. Predikat lucu mengungkapkan sama ada sikap psikologi (cth. *ingin*) atau keadaan luar yang boleh mempengaruhi kemungkinan sesuatu situasi akan direalisasikan (cth. *layak*).
- b. Aspek morfologi: Predikat lucu sama ada tidak mengandungi imbuhan atau berawalan *ber-* atau *ter-*. Tidak terdapat predikat lucu yang berawalan *meN-*.

Daripada ciri morfologi (10b) dapat diramalkan bahawa jika suatu predikat boleh digunakan dengan awalan *meN-* dan juga tanpa awalan *meN-*, maka hanya ayat yang mengandungi bentuk tanpa *meN-* sahaja yang bersifat taksa, iaitu mempunyai tafsiran bersilang selain daripada tafsiran kawalan biasa. Ramalan ini ternyata betul. Misalnya, *cuba* adalah predikat lucu, tetapi *mencuba* bukan merupakan predikat lucu. Lihat bahagian 4.2 untuk perbincangan lanjut.

Berhubung dengan penggunaan sebenar binaan kawalan lucu, penulis ingin menunjukkan dua fakta. Pertama, ketaksaan yang terlibat dalam binaan kawalan lucu biasanya diselesaikan secara pragmatik. Kaswanti Purwo (1984:75–76) mengemukakan dua generalisasi mengenai tafsiran yang mungkin: (i) Apabila pelaku bagi klausa komplemen adalah orang pertama, maka sesetengah penutur tidak memahami ayat kawalan lucu dengan tafsiran kawalan biasa sedangkan semua penutur mengecam adanya tafsiran bersilang; (ii) Apabila subjek matrik tidak bernyawa, maka tafsiran bersilang adalah satu-satunya tafsiran yang mungkin. Pada hemat penulis, kedua-dua generalisasi ini, khususnya yang kedua, lebih dianggap sebagai kecenderungan, dan bukannya aturan mutlak kerana terdapat banyak kekecualian, seperti mana yang dibuktikan oleh ayat-ayat (a) dalam Lampiran.

Kedua, binaan kawalan lucu sering kali ditemui dalam konteks klausa relatif. Dalam contoh berikut, klausa relatif ditandai dengan kurungan siku.

- (11) a. Tafsiran kawalan biasa  
Jangan Pandang Belakang adalah untuk mereka [yang suka ditakutkan]...<sup>6</sup>  
b. Tafsiran bersilang  
Kenyataan ini telah mendorong kami meneliti pelbagai karya [yang suka dirujuk oleh ulama Makkah].<sup>7</sup>

Perbincangan dalam bahagian seterusnya distrukturkan seperti yang berikut. Bahagian 2 akan memperkenalkan secara ringkas kajian lepas yang cuba mendedahkan mekanisme ketaksaan yang terlibat dalam binaan kawalan lucu. Dalam bahagian 3, penulis akan mengutarakan analisis sendiri dengan memanfaatkan gagasan ‘fasa’ dalam derivasi sintaksis (Chomsky 2000, 2001). Dalam bahagian 4, penulis akan membincangkan dua kes di mana tafsiran bersilang hilang. Bahagian 5 adalah kesimpulan.

## 2 Analisis Kajian Lepas mengenai Kawalan Lucu

Dalam bahagian ini, penulis akan meninjau dua jenis kajian lepas mengenai mekanisme yang menjadikan binaan kawalan lucu bersifat taksa. Kedua-dua jenis analisis ini berbeza dari segi penentuan kategori sintaksis, iaitu sama ada predikat lucu menganggotai satu kategori sintaksis atau dua kategori sintaksis. Penulis mendakwa bahawa analisis yang diutarakan dalam kajian yang terdahulu semuanya mempunyai masalah yang serius. Pertama sekali, dalam bahagian 2.1, kita akan meneliti analisis di mana predikat lucu menganggotai dua kategori sintaksis. Kemudian, dalam bahagian 2.2, kita akan melihat analisis di mana predikat lucu menganggotai satu kategori sintaksis.

### 2.1 Analisis Dwi-kategori

Kebanyakan pengkaji terdahulu cuba menerangkan ketaksaan yang terlibat dalam binaan kawalan lucu dengan mengaitkan dua tafsiran kepada dua kategori sintaksis yang berlainan (cth. Shoho 1995; Musgrave 2001; Sato 2004; Polinsky dan Potsdom 2008). Biasanya, suatu predikat lucu dikatakan kata kerja utama/kawalan (*control*) atau kata sifat apabila makna ayat yang mengandunginya mempunyai tafsiran kawalan biasa, sedangkan

---

<sup>6</sup>Sinema Malaysia, <http://www.sinemamalaysia.com.my/main/forums/viewtopic.php?t=89>, diakses 12/06/2008.

<sup>7</sup>KURNIA ILHAM << 2003 << May, <http://www.ilhamkanku.com.my/?m=200305>, diakses 12/06/2008.


predikat lucu tersebut dikatakan kata kerja bantu/penaikan (*raising*) atau kata adverba apabila ayat yang mengandunginya mempunyai tafsiran bersilang. Oleh sebab wujud dua kategori sintaksis yang berlainan, maka ayat kawalan lucu yang pada lahirnya serupa mempunyai struktur sintaksis yang berbeza, iaitu (12a) bagi tafsiran kawalan biasa dan (12b) bagi tafsiran bersilang.

- (12) a.  $NP1_i V/A_{lucu} [_{CP} PRO_i PASS-V (oleh) (NP2_j)]$   
 b.  $NP1_i Aux/V/Adv_{lucu} [_{VP} PASS-V (oleh) (NP2_j)]$

Tafsiran kawalan biasa boleh dibawa daripada struktur sintaksis yang pertama melalui mekanisme pentafsiran kawalan subjek yang biasa, seperti mana yang ditunjukkan dengan indeks  $i$  pada NP1 dan PRO. Namun, mekanisme pentafsiran yang membawa tafsiran bersilang daripada struktur (12b) tidak pernah dijelaskan sebelum Polinsky dan Potsdom (2008).

Polinsky dan Potsdom (2008) mendakwa bahawa tafsiran bersilang direalisasikan melalui semantik leksikal predikat lucu. Menurut mereka, ayat bahasa Indoneisa (13a) mempunyai struktur (13b).<sup>8</sup> Seterusnya, (14) adalah semantik bagi *mau/ingin* dan *dicium* (dan *mencium*) yang dicadangkan oleh mereka (garisan ditambah oleh penulis).

- (13) a. Anak itu mau/ingin dicium oleh ibu.  
 b.



- (14) a. Semantik bagi *mau/ingin*  
 $\lambda P \lambda s [\text{want}(s) \ \& \ \text{Goal}(s) = \wedge \exists e (P(e) \ \& \ \text{volition}(e) = \text{Experiencer}(s))]$   
 b. Semantik bagi *dicium* (dan *mencium*)  
 $\lambda y \lambda x \lambda e [\text{kissing}(e) \ \& \ \text{Agent}(e) = x \ \& \ \text{volition}(e) = x \ \& \ \text{Theme}(e) = y]$

Penggabungan semantik (14a) dan (14b) membolehkan pemilik keinginan (= Experiencer( $s$ )) disamakan dengan pelaku perbuatan penciuman (= Agent( $e$ )), iaitu  $x$ , melalui 'volition' (perhatikan bahagian yang bergaris).<sup>9</sup>

<sup>8</sup>Mereka membiarkan struktur ayat dengan tafsiran kawalan biasa sebagai masalah untuk kajian lanjut. Bagaimanapun, struktur yang akan diutarakan mestilah berbeza daripada struktur bagi tafsiran bersilang. Tafsiran kawalan biasa tidak dapat diperolehi dengan struktur (13b) dan mekanisme pentafsiran yang dicadangkan untuk tafsiran bersilang dalam (14). Kemungkinan besar struktur bagi tafsiran kawalan biasa merupakan struktur kawalan subjek yang biasa, yang membabitkan kata kerja utama/kawalan seperti (12a). Oleh sebab itulah penulis menggolongkan kajian mereka dalam kumpulan analisis dwi-kategori.

<sup>9</sup>Analisis Polinsky dan Potsdom ini melandaskan analisis kata adverba yang bergantung secara tematis (*thematically dependent adverbs*) dalam bahasa Inggeris (cth. *deliberately, reluctantly, willingly* dll.) oleh Wyner (1998). Kedua-dua kawalan lucu dan kata adverba yang bergantung secara tematis mengaitkan ciri semantik relevan dengan subjek (kedua-dua aktif dan pasif) dan juga dengan pelaku ayat pasif.

Analisis Polinsky dan Potsdom (2008) mempunyai beberapa masalah dan kelemahan. Yang pertama, walaupun analisis mereka dapat menerangkan tafsiran bersilang, namun ia gagal menangani tafsiran kawalan biasa. Oleh itu, struktur sintaksis atau/dan mekanisme pentafsiran lain adalah diperlukan untuk menjelaskan semua data. Masalah kedua ialah bahawa semantik bagi *mau/ingin* tidak boleh diterapkan kepada predikat lucu yang mengungkapkan keadaan luar, meskipun ia boleh diterapkan kepada predikat lucu yang mengungkapkan sikap psikologi. Ini kerana keadaan luar tidak mungkin melibatkan ‘volition’, tidak seperti sikap psikologi.

Dua masalah dalam analisis Polinsky dan Potsdom (2008) ini terus menjadi masalah kepada analisis dwi-kategori secara keseluruhan, memandangkan belum ada penerangan mengenai mekanisme pentafsiran lain bagi tafsiran bersilang. Tambahan pula, analisis dwi-kategori kurang baik dari segi kriteria ekonomi berbanding dengan analisis eka-kategori, kerana semua predikat lucu akan mempunyai dua masukan leksikal, iaitu satu sebagai kata kerja utama/kawalan atau kata sifat, dan satu lagi sebagai kata kerja bantu/penaikan atau kata adverba. Analisis seperti ini bukan sahaja redundan tetapi turut menimbulkan satu persoalan lain, iaitu mengapakah kelas semantik tertentu (cf. (10)) sahaja mempunyai dua kategori sintaksis secara sistematis. Kesimpulannya, analisis dwi-kategori adalah tidak munasabah dan tidak berpada, meskipun ramai pengkaji yang mempercayainya.

## 2.2 Analisis Eka-kategori


Terdapat dua kajian yang tidak mengandaikan dua kategori sintaksis bagi predikat lucu, iaitu Shoho (2004) dan Fukuda (2007). Shoho (2004) mencadangkan analisis yang mencapai kesan yang sama dengan analisis dwi-kategori dengan menggunakan cara lain, iaitu dengan menurunkan predikat lucu daripada kedudukan predikat matrik kepada  $I^0$  dalam klausa bawah. Walau bagaimanapun, analisis ini menghadapi salah satu masalah daripada yang dihadapi oleh analisis dwi-kategori, iaitu masalah mekanisme pentafsiran bagi tafsiran bersilang.<sup>10</sup> Selain itu, satu lagi permasalahannya ialah bahawa beliau tidak mengemukakan apakah motivasi yang mencetuskan perpindahan penurunan ini.

Fukuda (2007) mendakwa bahawa secara rentas-bahasa, kata kerja jenis ‘mahu/ingin’ boleh dijanadasarkan (*base-generated*) pada dua kedudukan, iaitu di atas dan di bawah nodus *vP*. Fukuda cuba menerangkan ketaksaan binaan kawalan lucu berdasarkan hipotesis bahawa *mahu* dan *ingin* berada di atas *vP* apabila klausa komplemennya adalah pasif, manakala apabila klausa komplemennya adalah aktif, maka *mahu* dan *ingin* berada di bawah *vP*. (15) di bawah adalah struktur ayat (13a) berdasarkan hipotesis ini.

---

<sup>10</sup>Shoho (2004) menyatakan bahawa hasil penurunan kepada  $I^0$  membolehkan predikat lucu mempunyai hubungan semantik yang rapat dengan pelaku bagi kata kerja dalam klausa bawah. Namun begitu, beliau tidak membincangkan tentang butiran mengenai hubungan semantik dan bagaimana hubungan tersebut dijalinan.

(15)



Menurut Fukuda, daripada (15) muncul dua tafsiran yang berlainan berdasarkan kedudukan di mana argumen dalaman, iaitu *anak itu*, ditafsirkan. Jika ia ditafsirkan pada kedudukan permukaannya, maka tafsirannya adalah tafsiran kawalan biasa. Walau bagaimanapun, jika ia ditafsirkan pada kedudukan dasar melalui rekonstruksi, maka tafsirannya merupakan tafsiran bersilang. Proses kedua ini bergantung kepada semantik leksikal sama dengan yang dicadangkan oleh Polinsky dan Potsdom (2008). Justeru, analisis Fukuda pun sebenarnya tidak terlepas daripada masalah, sebagaimana yang terdapat dalam analisis dwi-kategori. Tambahan pula, hipotesis beliau mengenai kedudukan 'mahu/ingin' juga mempunyai masalah yang serius. Pertama, gejala kawalan lucu melibatkan banyak perkataan lain, selain daripada yang bermakna 'mahu/ingin'. Maka, hipotesis tersebut perlu diubahsuai agar dapat merangkumi kesemua predikat lucu. Akan tetapi, tidak dapat dipastikan sama ada pengubahsuaian terhadap hipotesis itu boleh dilakukan atau sebaliknya, memandangkan hipotesis tersebut telah dikemukakan sebagai satu hipotesis sejagat. Kedua, analisis Fukuda (2007) memaksa awalan aktif *meN-* menduduki kedudukan yang berbeza daripada awalan pasif *di-*. Ini kerana dalam klausa aktif, predikat lucu, yang mendahului *meN-*, akan berada di kedudukan *v* atau lebih bawah. Walau bagaimanapun, situasi seperti ini tidak mungkin betul, memandangkan ramai pengkaji berfikir bahawa kedua-dua awalan tersebut menduduki kedudukan yang sama, berlandaskan penyebaran saling melengkapi sekurang-kurangnya sejak Abdullah (1974) (cth. Soh 1998; Musgrave 2001; Tjung 2006; Aldridge 2008).

### 3 Cadangan Baru

Dalam bahagian ini penulis akan mengutarakan analisis sendiri yang tidak menghadapi masalah sebagaimana yang terdapat dalam kajian lepas. Analisis ini tidak mengandaikan dua kategori sintaksis yang berlainan bagi predikat lucu, malah ia tidak melibatkan perpindahan sintaksis atau hipotesis mengenai kedudukan awalan diatesis *meN-* dan *di-* yang bermasalah. Mengikut analisis baru yang akan penulis utarakan di bawah, (i) predikat lucu menganggotai satu kategori sintaksis sahaja, (ii) struktur sintaksis adalah sama bagi kedua-dua tafsiran bersilang dan tafsiran kawalan biasa, dan (iii) dua tafsiran yang berbeza itu timbul daripada dua cara pemberian peranan- $\theta$  luaran (*external  $\theta$ -role*) yang berlainan. Dengan perkataan lain, analisis penulis adalah seragam dalam kategori sintaksis serta struktur sintaksis, dan ia juga dilengkapi dengan mekanisme pentafsiran yang



munasabah.

### 3.1 Andaian

Analisis seragam yang penulis kemukakan mengandaikan perkara-perkara yang berikutnya. Kesemua andaian yang dilakukan adalah andaian lazim. Pertama sekali, predikat lucu mengambil klausa yang dikecilkan, iaitu  $vP$ , dan bukannya klausa yang lengkap, iaitu CP. Lihat Polinsky dan Potsdom (2008) untuk justifikasi struktur sintaksis ini. Kedua, peranan- $\theta$  dapat diberikan melalui operasi Gabung (*Merge*) sahaja (Prinsip Pemberian Peranan-Teta (*Theta-Role Assignment Principle*); Hornstein et al. 2005). Ketiga, pemberian peranan- $\theta$  mesti diselesaikan di dalam mandala setempat (*local domain*). Akhir sekali, suatu argumen dapat menerima lebih daripada satu peranan- $\theta$  (Gruber 1965; Jackendoff 1972). Dengan perkataan lain, perpindahan ke kedudukan- $\theta$  adalah dibenarkan (Bošković 1994; Hornstein 1999, 2001).

‘Mandala setempat’ dalam andaian yang ketiga ditakrifkan dengan fasa (*phase*) (Chomsky 2000, 2001). Menurut teori fasa, derivasi sintaksis berlangsung secara fasa demi fasa. Projeksi yang boleh menjadi fasa ialah  $vP$  dan CP. Setelah operasi sintaksis (iaitu Gabung dan Salin (*Copy*)) di dalam suatu fasa sudah tamat, fasa tersebut akan ditutup lalu di-Spell-Out. Operasi sintaksis di dalam fasa yang seterusnya tidak dibenarkan untuk mengakses unsur di dalam fasa tersebut, kecuali spek (*specifier*) dan kepala fasa (*phase head*) berkenaan. Hal ini dinyatakan dalam Syarat Ketidaktebusan Fasa (*Phase-Impenetrability Condition*):

- (16) Syarat Ketidaktebusan Fasa (Chomsky 2000)  
Di dalam fasa  $\alpha$  yang berkepala H, mandala bagi H dilarang diakses oleh operasi di luar  $\alpha$ ; cuma H dan sisiannya (*edge*) sahaja yang boleh diakses oleh operasi seperti itu.

‘Sisian’ dalam (16) merujuk kepada spek.

### 3.2 Cadangan

Pada umumnya, kepala fasa dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kepala fasa yang mempunyai fitur EPP dan kepala fasa yang tidak mempunyai fitur EPP (Chomsky 2000; McCloskey 2002). Penulis mendakwa bahawa dalam bahasa Melayu kepala fasa  $v$  yang mempunyai fitur EPP adalah awalan *di-* manakala awalan *meN-* adalah kepala fasa  $v$  yang tidak mempunyai fitur EPP. Berhubung dengan kepala fasa C pula, pengkomplemen *supaya* dan  $\emptyset$  (dan barangkali juga beberapa pengkomplemen yang lain) tidak mempunyai fitur EPP. Oleh kerana fitur EPP menyebabkan perpindahan DP ke Spek, maka struktur klausa yang mengandungi kata kerja yang berawalan *di-*, iaitu klausa pasif morfologis (*morphological passive*), berbeza daripada klausa yang mengandungi kata kerja yang berawalan *meN-*, iaitu klausa aktif morfologis (*morphological active*), dari segi bilangan Spek. Kedua-dua jenis klausa tersebut mempunyai satu Spek di mana argumen luaran dijanadasarkan. Walau bagaimanapun, dalam klausa pasif *di-*, satu lagi Spek boleh dihasilkan kerana *di-* memiliki fitur EPP. Spek ini diduduki oleh DP argumen dalaman yang berpindah daripada kedudukan objek. Perbezaan ini boleh digambarkan seperti (17).

- (17) a. Klausa aktif *meN-*: tiada fitur EPP, 1 Spek  
[ $vP$  DP<sub>luar</sub> *meN-* [ $VP$  V DP<sub>dalam</sub>]]

- b. Klausa pasif *di-*: ada fitur EPP, 2 Spek  
 $[_{vP} DP_{dalam} [_{v'} DP_{luar} di- [_{VP} V DP_{dalam}]]]$

Perbezaan dari segi bilangan Spek bermakna bahawa kedua-dua jenis klausa adalah berbeza dari segi bilangan DP yang dapat diakses oleh operasi sintaksis di luar *vP* (cf. Syarat Ketidaktebusan Fasa (16)). Yang penting, dalam klausa pasif *di-* terdapat dua DP yang dapat diakses daripada luar *vP*. Perhatikan bahawa operasi sintaksis termasuk Gabung dan apabila Gabung berlaku, pemberian peranan- $\theta$  pun turut berlaku (cf. bahagian 3.1). Justeru itu, peranan- $\theta$  luaran bagi predikat lucu boleh diberikan kepada sama ada argumen dalaman atau argumen luaran. Hal ini menjelaskan mengapakah binaan kawalan lucu yang berpola sintaksis (8) seperti ayat (2) memperlihatkan ketaksaan. Tafsiran kawalan biasa muncul apabila peranan- $\theta$  luaran bagi predikat lucu diberikan kepada argumen dalaman. Tafsiran bersilang pula muncul apabila peranan- $\theta$  tersebut diberikan kepada argumen luaran. Perbezaan yang digambarkan dalam (17) juga menjawab persoalan, mengapakah binaan kawalan lucu sahaja yang memperlihatkan ketaksaan: binaan kawalan lucu sahaja yang mengandungi klausa pasif, yang membawa kepada dua cara pemberian peranan- $\theta$  yang mungkin.

Seterusnya mari kita meneliti bagaimana mekanisme ini diterapkan kepada ayat kawalan biasa (1) dan ayat kawalan lucu (2) dengan lebih terperinci.

### 3.2.1 Ayat Kawalan Biasa tanpa Pengkomplemen Nyata

Di bawah diperturunkan semula ayat (1) sebagai (18).

- (18) Polis cuba  $[_{vP} \text{men-}(t)\text{angkap Mat Rempit itu}]$ .

Ayat ini mempunyai satu tafsiran sahaja, iaitu tafsiran kawalan biasa, di mana yang mencuba adalah ‘polis’. (19) menunjukkan sebahagian daripada derivasi ayat (18). ‘+’ melambangkan Gabung dan di sebelah kanan lambang ‘ $\rightarrow$ ’ adalah struktur objek sintaksis yang terhasil daripada operasi Gabung terbabit.

- (19) a.  $[_V \text{ tangkap}] + [_{DP} \text{ Mat Rempit itu}]$   
 $\rightarrow [_{VP} \text{ tangkap Mat Rempit itu}]$   
 $\quad \quad \quad \uparrow$   
 $\quad \quad \quad \theta_{dalam}$
- b.  $[_v \text{ meN-}] + VP$  yang dibentuk di (a)  
 $\rightarrow [_{vP} \text{ men-}(t)\text{angkap Mat Rempit itu}]$
- c.  $[_{DP} \text{ polis}] + vP$  yang dibentuk di (b)  
 $\rightarrow [_{vP} \text{ polis men-}(t)\text{angkap Mat Rempit itu}]$   
 $\quad \quad \quad \uparrow$   
 $\quad \quad \quad \theta_{luar}$
- d.  $[_V \text{ cuba}] + vP$  yang dibentuk di (c)  
 $\rightarrow [_{VP} \text{ cuba } [_{vP} \text{ polis men-}(t)\text{angkap Mat Rempit itu}]]]$
- e.  $v + VP$  yang dibentuk di (d)  
 $\rightarrow [_{vP} v \text{ cuba } [_{vP} \text{ polis men-}(t)\text{angkap Mat Rempit itu}]]]$   
 $\quad \quad \quad \uparrow$   
 $\quad \quad \quad \theta_{luar}$

Dalam (19a), *tangkap* bergabung dengan *Mat Rempit itu*, lalu peranan- $\theta$  dalaman bagi *tangkap* diberikan kepada *Mat Rempit itu*. Setelah awalan *meN-* bergabung dengan *tangkap Mat Rempit itu* (19b), awalan *meN-* dan kata kerja *tangkap* membentuk kompleks

[ $v$  men-(t)angkap] menerusi perpindahan *tangkap* ke  $v$ . Kemudian, kompleks ini memberikan peranan- $\theta$  luarnya kepada *polis*, yang baru digabungkan dengan *men-(t)angkap Mat Rempit itu* (19c). Peranan- $\theta$  luaran berkenaan tidak diberikan kepada *Mat Rempit itu* kerana peranan- $\theta$  diberikan melalui Gabung sahaja (andaian kedua dalam bahagian 3.1). Sekarang derivasi mencapai satu fasa, iaitu  $vP$ . Oleh itu, operasi sintaksis selepas itu tidak akan dapat mengakses  $vP$  itu kecuali  $v$  dan Spek. Mandala yang tidak dapat diakses ditunjukkan dengan kotak. Pada peringkat derivasi seterusnya, predikat lucu *cuba* digabungkan (19d). Ia berpindah ke  $v$  apabila  $v$  digabungkan, lalu membentuk kompleks [ $v$   $v$  + *cuba*]. Kompleks ini memberikan peranan- $\theta$  luarnya kepada *polis* kerana *polis* adalah satu-satunya DP yang dapat diakses oleh kompleks tersebut. *Mat Rempit itu* tidak boleh diakses disebabkan Syarat Ketidaktebusan Fasa (16). Demikianlah tafsiran di mana yang mencuba adalah ‘polis’ dapat diperoleh dan tiada tafsiran lain dengan ayat kawalan biasa seperti (18).

### 3.2.2 Ayat Kawalan Lucu

Ayat kawalan lucu, yang terdiri daripada predikat lucu dan klausa pasif seperti ayat (20) (= (2)), pada dasarnya mempunyai dua tafsiran, iaitu tafsiran kawalan biasa dan tafsiran bersilang.

(20) Mat Rempit itu cuba **di-**tangkap polis.

Mengikut tafsiran kawalan biasa, yang mencuba ialah ‘Mat Rempit’. Berdasarkan tafsiran bersilang pula, yang mencuba ialah ‘polis’. Dalam bahagian 3.2.2 ini, penulis akan menerangkan secara mendalam bagaimana kedua-dua tafsiran ini timbul berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan di awal bahagian 3.2.


(21) menunjukkan sebahagian daripada derivasi ayat (20).

- (21) a. [ $v$  tangkap] + [ $_{DP}$  Mat Rempit itu]  
 $\rightarrow$  [ $_{VP}$  tangkap Mat Rempit itu]  
└──────────────────┘  
 $\theta_{dalam}$ 
b. [ $v$  di-] + VP yang dibentuk di (a)  
 $\rightarrow$  [ $_{vP}$  di-tangkap Mat Rempit itu]  
c. [ $_{DP}$  polis] +  $vP$  yang dibentuk di (b)  
 $\rightarrow$  [ $_{vP}$  polis di-tangkap Mat Rempit itu]  
└──────────┘  
 $\theta_{luar}$ 
d. [ $_{DP}$  Mat Rempit itu] +  $vP$  yang dibentuk di (c)  
 $\rightarrow$  [ $_{vP}$  Mat Rempit itu [ $_{v'}$  polis [ $_{v'}$  di-tangkap Mat Rempit itu]]]  
e. [ $v$  cuba] +  $vP$  yang dibentuk di (d)  
 $\rightarrow$  [ $_{VP}$  cuba [ $_{vP}$  Mat Rempit itu [ $_{v'}$  polis [ $_{v'}$  di-tangkap Mat Rempit itu]]]]]  
f.  $v$  + VP yang dibentuk di (e)  
(i)  $\theta_{luar}$ 
 $\rightarrow$  [ $_{vP}$   $v$  cuba [ $_{vP}$  Mat Rempit itu [ $_{v'}$  polis [ $_{v'}$  di-tangkap Mat Rempit itu]]]]]<sup>11</sup>  
└──────────────────────────────────┘  
(ii)  $\theta_{luar}$

<sup>11</sup>Untuk merealisasikan urutan kata permukaan dalam (20), iaitu *polis* berada terus di sebelah kanan *di-tangkap*, terdapat beberapa analisis yang mungkin:

(21a)–(21c) adalah sama dengan (19a)–(19c), kecuali awalan diatesis yang terlibat merupakan *di-*. Cara pemberian peranan- $\theta$  juga tetap sama. Ini menjamin kenyataan bahawa tidak ada perbezaan di antara kedua-dua jenis ayat, iaitu ayat kawalan biasa seperti (18) dan ayat kawalan lucu seperti (20), dari segi siapa yang menangkap dan siapa yang ditangkap. Dalam kedua-dua jenis ayat, perhubungan semantik adalah ‘polis menangkap Mat Rempit’. Pada peringkat (21d), *Mat Rempit itu* berpindah ke Spek atas (*higher specifier*) bagi *vP*. Perpindahan ini dibenarkan kerana awalan *di-*, yang menduduki *v*, mempunyai fitur EPP. Perpindahan yang serupa tidak dibenarkan jika awalan diatesis yang menduduki *v* adalah *meN-*. Perbezaan di antara dua awalan diatesis dalam bahasa Melayu ini sangat ketara dan terkenal. Penulis akan membincangkan hal ini dalam bahagian 3.3. Sekarang derivasi sudahpun mencapai satu fasa, iaitu *vP*. Oleh itu, operasi sintaksis selepas itu tidak akan dapat mengakses *vP* tersebut kecuali *v* dan Spek. Seperti terdahulu, mandala yang tidak dapat diakses ditunjukkan dengan kotak. Pada peringkat derivasi seterusnya, predikat lucu *cuba* digabungkan (21d). Ia berpindah ke *v* apabila *v* digabungkan, lalu membentuk kompleks [<sub>v</sub> *v* + *cuba*]. Kompleks ini memberikan peranan- $\theta$  luarannya. Yang penting ialah kali ini terdapat dua DP yang boleh menerima peranan- $\theta$  itu, iaitu *Mat Rempit itu* dalam Spek atas dan *polis* dalam Spek bawah (*lower specifier*), seperti yang digambarkan dalam (21f). (22) menunjukkan struktur objek sintaksis yang terhasil daripada operasi di (21f) dalam bentuk rajah pohon.

(22) (21f) dalam bentuk rajah pohon



Kewujudan dua DP (ditebalkan dalam (22)) di sisian fasa *vP* inilah yang menjadikan binaan kawalan lucu bersifat taksa. Tafsiran kawalan biasa diperoleh apabila peranan- $\theta$  luaran bagi predikat lucu, iaitu *cuba*, diberi kepada DP atas, iaitu *Mat Rempit itu*, seperti yang ditunjukkan dengan garis anak panah (i). Pemberian peranan- $\theta$  ini membawa makna

1. melinearisasikan Spek bagi *vP* di sebelah kanan *v'*;
2. perpindahan kepala *v* + *V*, iaitu *di-tangkap*, ke T matriks, yang juga mengandungi kata kerja matriks yang dinaikkan, iaitu *cuba* (cf. Guilfoyle et al. 1992);
3. menggabungkan *pro* dengan *vP* yang dibentuk dalam (b), dengan *pro* ini dan *polis* yang menduduki kedudukan ajung (dicantumkan pada *VP* dalam Tjung (2006), Fortin (2007) dan Aldridge (2008), tetapi boleh juga dicantumkan pada *vP*) menjalinkan hubungan sama rujukan (*coreferential*);
4. *polis* diinkorporasikan ke dalam *v* dan menghasilkan struktur [<sub>v</sub> [<sub>v</sub> *di*-[*V* *tangkap*]] *polis*].

bahawa yang mencuba adalah ‘Mat Rempit’ (makna ini aneh dan lazimnya diketepikan oleh pengetahuan pragmatik). Jika pemberian peranan- $\theta$  tersebut dilakukan terhadap DP bawah, iaitu *polis*, seperti yang ditunjukkan dengan garis anak panah (ii), maka tafsiran yang diperoleh ialah tafsiran bersilang. Pemberian peranan- $\theta$  ini pula membawa makna bahawa yang mencuba adalah ‘polis’.

### 3.3 Keselarian di antara Kawalan Lucu dan Pengambilan

Perbezaan di antara kedua-dua awalan diatesis, iaitu *meN-* dan *di-*, yang memainkan peranan penting dalam analisis seragam bagi kawalan lucu di bahagian atas bukanlah suatu stipulasi *ad hoc* yang dilakukan hanya untuk menerangkan fenomena kawalan lucu. Hakikatnya, perbezaan tersebut sudah lama dikenali oleh kalangan pengkaji bahasa Austronesia sebagai penghalangan pengambilan (*extraction*) argumen oleh awalan *meN-* (Saddy 1991; Soh 1998; Cole dan Hermon 1998). Walau bagaimanapun, sebelum ini tidak ada pengkaji yang mengaitkan dua fenomena tersebut. Justeru, inovasi makalah ini terletak dalam memanfaatkan sifat sintaksis yang telah dibuktikan mantap untuk menerangkan fenomena yang kurang difahami lagi.

(23) di bawah adalah contoh-contoh ayat yang menunjukkan penghalangan pengambilan argumen oleh awalan *meN-*.

- (23) a. Ali [<sub>vP</sub> **mem**-beli apa]?  
 b. \*Apa (yang) Ali [<sub>vP</sub> **mem**-beli apa]?  
 c. Apa (yang) Ali [<sub>vP</sub> Ø-beli apa]?  
 d. Apa (yang) [<sub>vP</sub> **di**-beli apa oleh Ali]?

(23a) adalah ayat tanya *wh-* in situ. (23b)–(23d) melibatkan pengambilan/perpindahan perkataan *wh-*, iaitu *apa*, daripada *vP*. Pengambilan *apa* itu berjaya apabila tidak ada *meN-* dalam posisi *v* seperti (23c) dan (23d). Apabila posisi *v* diduduki oleh *meN-*, pengambilan *apa* dihalang oleh *meN-* dan seterusnya menjadikan ayat itu tidak gramatis seperti (23b). Yang penting, penghalangan itu tidak berlaku jika awalan diatesis di *v* adalah *di-*. Pemerhatian ini dapat digambarkan seperti (24).<sup>12</sup>

- (24) Penghalangan pengambilan argumen oleh *meN-*  
 DP [<sub>vP</sub> *meN*-V DP]  
 ↑ X ↓

Kajian sintaksis bahasa Melayu/Indonesia yang dilakukan dalam kerangka minimalis hampir semuanya menganalisis kekangan (24) dengan menggunakan gagasan fasa (Aldridge 2005, 2008; Tjung 2006; Cole, Hermon dan Yanti 2008). Penulis juga membuat analisis berdasarkan fasa. Berdasarkan analisis struktur klausa aktif *meN-* dan klausa pasif *di-* yang dibincangkan di bahagian 3.2, struktur (23b) dan (23d) masing-masing adalah (25a) dan (25b).

- (25) a. \*[<sub>CP</sub> Apa (yang) [<sub>TP</sub> Ali [<sub>vP</sub> Ali [<sub>v'</sub> **mem**-beli apa]]]]]?

<sup>12</sup>Hassal (2005) melaporkan beberapa kes di mana awalan *meN-* nampaknya tidak menghalang pengambilan argumen. Apa yang menarik ialah salah satu kes yang dilaporkannya adalah klausa yang mengandungi predikat lucu. Penulis bersependapat dengan Hassal mengenai faktor mengapa pengambilan yang seharusnya dilarang diperhati dalam kes tersebut. Kekangan (24) dilanggar dengan sengaja oleh penerut dalam klausa yang mengandungi predikat lucu untuk tujuan mengelakkan kekeliruan yang mungkin berlaku akibat ketaksamaan yang terlibat dalam binaan kawalan lucu.

- b. [<sub>CP</sub> Apa (yang) [<sub>TP</sub> [<sub>vP</sub> ~~apa~~ [<sub>v'</sub> pro<sub>i</sub> [<sub>v'</sub> di-beli apa]]]] oleh Ali<sub>i</sub>]]?

Dalam (25b) perkataan *wh-*, iaitu *apa*, dapat diambil daripada *vP* lalu berpindah ke Spek bagi CP kerana ia berada di sisian fasa *vP*. Akan tetapi, perkataan *apa* dalam (25a) tidak dapat diambil daripada *vP* kerana ia tidak berada di sisian fasa *vP*, malah ia dikurung dalam mandala bagi *v*, yang tidak dapat diakses dari operasi di fasa seterusnya, iaitu fasa CP. Perhatikan bahawa penerangan penghalangan pengambilan argumen oleh *meN-* berbeza daripada analisis kawalan lucu yang dikemukakan oleh penulis dalam bahagian 3.2 dalam satu aspek sahaja, iaitu operasi yang terlibat. Dalam kes pengambilan argumen, operasi yang terlibat adalah pengambilan/perpindahan manakala dalam kes kawalan lucu operasi yang terlibat adalah pemberian peranan- $\theta$ . Argumen dalaman bagi V tidak dapat diambil ke luar fasa sendiri, iaitu *vP*, dan juga tidak dapat diberi peranan- $\theta$  oleh unsur di luar fasa sendiri kerana ia dikurung dalam mandala bagi *v* dan tidak dapat diakses dari luar *vP*.

Kesimpulannya, analisis binaan kawalan lucu oleh penulis adalah lebih baik daripada analisis terdahulu bukan sahaja kerana ia tidak menghadapi masalah yang dihadapi analisis terdahulu tetapi juga kerana ia menggunakan mekanisme umum yang sedia ada dalam tatabahasa bahasa Melayu. Analisis terdahulu pula memerlukan suatu mekanisme yang khusus untuk binaan kawalan lucu.

## 4 Kehilangan Tafsiran Bersilang

Terdapat dua kes di mana tafsiran bersilang tidak diperoleh walaupun struktur sintaksisnya menepati pola binaan kawalan lucu dalam (8). Dalam bahagian ini penulis akan membincangkan persoalan mengapa tafsiran bersilang hilang dalam kes seperti itu.

### 4.1 Kes 1: Pengkomplemen *Supaya*

Kes pertama adalah apabila klausa komplemen bagi predikat lucu diperkenalkan dengan pengkomplemen (*complementiser*) *supaya*. Setahu penulis, kenyataan ini buat pertama kalinya dilaporkan oleh Bambang Kaswanti Purwo dalam buku beliau *Deiksis dalam Bahasa Indonesia* (Kaswanti Purwo 1984). Menurut Kaswanti Purwo (1984:75–76), walaupun ayat (26a) taksa antara tafsiran kawalan biasa (pemilik perasaan keinginan adalah si Yem) dengan tafsiran bersilang (pemilik perasaan keinginan adalah si Dul), namun apabila pengkomplemen *supaya* disisipkan selepas predikat lucu, iaitu *ingin*, seperti (26b), tafsiran bersilang akan hilang dan yang tinggal ialah tafsiran kawalan biasa sahaja.

- (26) Bahasa Indonesia (Kaswanti Purwo 1984:75–76)
- a. Si Yem ingin dicium si Dul.  
(Tafsiran kawalan biasa serta tafsiran bersilang)
  - b. Si Yem ingin *supaya* dicium si Dul.  
(Tafsiran kawalan biasa sahaja)

Kontras yang sama dapat ditemui dalam bahasa Melayu.

- (27)
- a. Ali mahu dicium Siti.  
(Tafsiran kawalan biasa serta tafsiran bersilang)
  - b. Ali mahu *supaya* dicium Siti.  
(Tafsiran kawalan biasa sahaja)

Kehilangan tafsiran bersilang seperti ini dapat dijelaskan berdasarkan gagasan fasa. Selain daripada *vP*, *CP* pun merupakan fasa dalam bahasa tabii. Penulis berpandukan McCloskey (2002) dan mengandaikan bahawa kepala *C* boleh memiliki fitur EPP seperti kepala *v*, tetapi ia boleh juga tidak memiliki fitur tersebut. Penulis mendakwa bahawa pengkomplemen *supaya* dalam bahasa Melayu tidak mempunyai fitur EPP seperti awalan *meN-* di *v*. Justeru itu, wujud tafsiran kawalan biasa sahaja bagi ayat yang mengandungi pengkomplemen *supaya* walaupun ia tidak mengandungi awalan *meN-*. Ayat seperti (27b) dapat dikatakan mempunyai struktur kawalan subjek yang standard dengan *PRO*.

(28) Ali mahu [<sub>CP</sub> supaya [<sub>TP</sub> PRO dicium Siti]].

Dalam struktur ini, *DP* yang dapat menerima peranan- $\theta$  luaran daripada *mahu* ialah subjek klausa matrik, iaitu *Ali*, sahaja. *Siti* dikurung dalam mandala bagi kepala fasa *C* seperti mana yang ditunjukkan dengan kotak. Oleh kerana itulah ayat yang mengandungi *supaya* seperti (27b) mempunyai tafsiran kawalan biasa sahaja dan tidak mempunyai tafsiran bersilang.

Sehubungan dengan ini, pengkomplemen *untuk* memperlihatkan perilaku yang berbeza daripada *supaya*. Ayat yang mengandungi *untuk* mempunyai tafsiran bersilang.<sup>13</sup>

(29) Perkara ini cuba untuk ditegaskannya.

Dalam ayat ini yang mencuba ialah orang yang dirujuk dengan enklitik *-nya*. Ini bermakna ayat tersebut mempunyai tafsiran bersilang. Tafsiran kawalan biasa pula diketepikan oleh pengetahuan pragmatik, kerana adalah tidak mungkin bagi ‘perkara ini’ yang tidak bernyawa mencuba sesuatu. Dalam hal ini, pengkomplemen *untuk* menyerupai awalan *di-*.

Cara menerangkan persamaan ini sekurang-kurangnya ada dua. Hipotesis pertama ialah *untuk* mempunyai fitur EPP seperti *di-*. Jika demikian, rumusan seperti berikut dapat dicapai: kedua-dua kepala fasa, iaitu *v* dan *C*, diparameterkan dari segi sama ada kepala itu mempunyai fitur EPP atau sebaliknya. Parameter itu menentukan sama ada tafsiran bersilang itu wujud selain tafsiran kawalan biasa. Dalam bahasa Melayu, awalan pasif *di-* dan pengkomplemen *untuk* mempunyai fitur EPP, maka ini membolehkan tafsiran bersilang. Padahal, awalan aktif *meN-* dan pengkomplemen *supaya* tidak mempunyai fitur EPP, maka tidak membolehkan tafsiran bersilang. Rumusan ini kelihatan sempurna. Akan tetapi, hipotesis ini menghadapi masalah, iaitu untuk membolehkan pemberian peranan- $\theta$  luaran bagi *cuba* kepada kedua-dua argumen bagi klausa bawah, iaitu *perkara ini* dan *-nya*, dua argumen tersebut perlu berada di *Spek* bagi *CP* pada suatu peringkat derivasi seperti yang ditunjukkan dalam (30).

(30) cuba [<sub>CP</sub> perkara ini [<sub>C'</sub> -nya [<sub>C'</sub> untuk [<sub>TP</sub> ~~-nya~~ ditegaskan perkara ini]]]]

Struktur seperti ini mustahil kerana (i) *Spek* bagi *CP* itu tapak pendaratan (*landing site*) bagi perpindahan-*A'* dan (ii) tidak ada motivasi yang menyebabkan perpindahan lebih dari satu *DP* meskipun jika perpindahan-*A* dibenarkan ke *Spek* bagi *CP*.

<sup>13</sup>Rupa-rupanya perkataan *untuk* dalam bahasa Indonesia berperilaku sama dengan *supaya*. Polinsky dan Potsdom (2008) melaporkan bahawa adalah tidak gramatis untuk memperkenalkan klausa komplemen dengan *untuk* jika makna yang hendak disampaikan adalah tafsiran bersilang. Di bawah dipetik contoh ayat (53) dalam makalah mereka.

(i) Bagian kalimat ini mau (\*untuk) ditegaskannya.

Hipotesis yang lebih munasabah adalah menafikan status pengkomplemen perkataan *untuk*. Penulis mendakwa bahawa sebenarnya perkataan *untuk* adalah T<sup>0</sup>. Jika demikian, tidak terdapat apa-apa yang menghalang pemberian peranan- $\theta$  luaran bagi *cuba* kepada kedua-dua argumen klausa bawah kerana *untuk* tidak membentuk fasa. Hal ini dapat dipastikan dengan struktur yang ditunjukkan dalam (31).

(31) cuba [<sub>TP</sub> untuk [<sub>vP</sub> perkara ini [<sub>v'</sub> -nya [<sub>v'</sub> di-tegaskan [<sub>VP</sub> perkara ini ]]]]]

Walaupun penulis memilih hipotesis ini dalam makalah ini, ia harus dijustifikasikan dengan bukti yang lain.<sup>14</sup>

## 4.2 Kes 2: *Mencuba*

Kes kedua di mana tafsiran bersilang hilang adalah apabila predikat lucu ditambah dengan awalan *meN*-. Dengan perkataan lain, walaupun bentuk tanpa awalan merupakan predikat lucu, namun bentuk yang berimbunan *meN*- bukan merupakan predikat lucu. Hal ini telah dicatat terlebih dahulu dalam (10b): *cuba* adalah predikat lucu manakala *mencuba* bukan.

- (32) a. Kucing kesayangannya *cuba* dicium Amy.  
 (Tafsiran kawalan biasa serta tafsiran bersilang)  
 b. Kucing kesayangannya *mencuba* dicium Amy.  
 (Tafsiran kawalan biasa sahaja)

Dalam ayat (32a), kedua-dua ‘kucing kesayangannya’ dan ‘Amy’ boleh difahami sebagai pihak yang mencuba (walaupun ‘Amy’ lebih mudah difahami demikian disebabkan pengetahuan pragmatik bahawa biasanya manusia yang berniat menciumi kucing dan bukan sebaliknya), manakala dalam ayat (32b) ‘kucing kesayangannya’ sahaja yang boleh difahami sebagai pihak yang mencuba. Pendek kata, tafsiran bersilang hilang dalam (32b).

Perbezaan ini dapat dijelaskan berdasarkan kesan penghalangan pengambilan argumen oleh *meN*- yang dibincangkan dalam bahagian 3.3. Derivasi kedua-dua ayat adalah sama sehingga kata akar *cuba* bergabung.

(33) [<sub>VP</sub> cuba [<sub>vP</sub> kucing kesayangannya [<sub>v'</sub> Amy [<sub>v'</sub> di-cium kucing kesayangannya]]]]

Bagi (32a), *kucing kesayangannya* akan berpindah ke Spek bagi TP melalui Spek bagi vP yang dikepalai oleh awalan kosong.

(34) [<sub>TP</sub> kucing kesayangannya [<sub>vP</sub> kucing kesayangannya [<sub>v'</sub> Ø-cuba [<sub>VP</sub> cuba [<sub>vP</sub> kucing kesayangannya [<sub>v'</sub> ... ]]]]]]]

Walau bagaimanapun, perpindahan yang serupa tidak akan berlaku bagi (32b) kerana adanya awalan *meN*-.

(35) [<sub>vP</sub> kucing kesayangannya [<sub>v'</sub> men-cuba [<sub>VP</sub> cuba [<sub>vP</sub> kucing kesayangannya [<sub>v'</sub> ... ]]]]]].

Oleh itu, derivasi tidak akan mencapai pertemuan (*convergence*).<sup>15</sup> Pada pandangan penulis, (32b) mempunyai struktur kawalan subjek yang standard dengan PRO seperti

<sup>14</sup>Perbezaan sintaksis di antara *supaya* dan *untuk* ada dibincangkan oleh Shoho (1999, 2007).

<sup>15</sup>Jika analisis ini sah, ia membuktikan bahawa awalan *meN*- menghalang bukan sahaja perpindahan-A' (cf. (23)) tetapi juga perpindahan-A seperti mana yang dicatat oleh Cole dan Hermon (1998).



yang ditunjukkan dalam (36).

$$(36) \quad \text{Kucing kesayangannya mencuba } [_{CP} C^0 \boxed{[_{TP} \text{PRO dicium Amy}]]}.$$

Pengkomplemen kosong yang muncul dalam (36) tidak mempunyai fitur EPP seperti pengkomplemen *supaya* kerana sekiranya ia mempunyai fitur tersebut, peranan- $\theta$  luaran bagi *mencuba* akan salah diberikan kepada *Amy*.

Kesimpulannya, kenyataan bahawa tidak wujud predikat lucu yang berawalan *meN-* bukanlah satu kebetulan. Sebaliknya, kenyataan tersebut adalah berlandaskan sebab-sebab yang berprinsip.

## 5 Kesimpulan

Analisis yang diutarakan oleh penulis dalam makalah ini adalah “seragam” dalam dua aspek. Pertama, predikat lucu menganggotai satu kategori sintaksis sahaja, dan maka itu ia mempunyai satu struktur sintaksis sahaja, tidak kira binaan kawalan lucu yang mengandungnya ditafsirkan sebagai tafsiran kawalan biasa atau tafsiran bersilang. Kedua, analisis penulis menggunakan satu kekangan kesetempatan (*locality*) yang lazim digunakan untuk menerangkan penghalangan pengambilan argumen oleh awalan *meN-*. Pemberian peranan- $\theta$ , yang memainkan peranan penting dalam menentukan ada atau tiadanya tafsiran bersilang, mengikuti kekangan kesetempatan yang sama dengan yang terlibat dalam pengambilan argumen, iaitu Syarat Ketidaktebusan Fasa (16). Kedua-dua operasi, iaitu pemberian peranan- $\theta$  dan pengambilan argumen, berjaya dilaksanakan hanya apabila argumen sasarannya berada di sisian fasa.<sup>16</sup>

Dalam makalah ini penulis telah mencadangkan struktur binaan kawalan lucu seperti yang ditunjukkan dalam (37). ‘DP<sub>dlm</sub>’ dan ‘DP<sub>luar</sub>’ masing-masing merupakan DP argumen dalaman dan DP argumen luaran bagi predikat dalam klausa bawah. Juga ditunjukkan dalam (37) adalah pemberian peranan- $\theta$  yang relevan.

$$(37) \quad [_{TP} \text{DP}_{\text{dlm}} \text{T}^0 [_{vP} \text{DP}_{\text{dlm}} v [_{VP} \text{Pred}_{\text{lucu}} [_{vP} \text{DP}_{\text{dlm}} [v' \text{DP}_{\text{luar}} [v' \text{di-} \text{Pred} \text{DP}_{\text{dlm}} ]]]]]]]]$$

(i)  $\theta_{\text{luar}}$ 
(iii)  $\theta_{\text{luar}}$

(ii)  $\theta_{\text{luar}}$ 
(iv)  $\theta_{\text{dalam}}$

Jika kombinasi peranan- $\theta$  adalah (i) + (iii) + (iv), maka tafsiran kawalan biasa yang akan timbul, manakala jika kombinasi peranan- $\theta$  adalah (ii) + (iii) + (iv) pula, maka tafsiran yang akan timbul ialah tafsiran bersilang.

Akhir sekali, penulis ingin membincangkan secara ringkas tentang batasan kajian dan implikasi kajian ini.

Salah satu persoalan lain yang belum disentuh dalam kajian ini ialah berkaitan dengan awalan kerjaan dan pengkomplemen yang lain. Perbincangan dalam makalah ini terbatas kepada *meN-*, *di-* dan *supaya*, walaupun awalan kosong dan pengkomplemen kosong juga pernah disentuh dengan mudah. Persoalannya, bagaimanakah pula perilaku awalan kerjaan dan pengkomplemen yang lain? Misalnya, contoh ayat daripada Polinsky dan Potsdom (2008) di bawah menunjukkan awalan pasif *ter-* berperilaku sama dengan

<sup>16</sup>Ini bermakna fakta kawalan lucu dalam bahasa Melayu menyokong dakwaan bahawa peranan- $\theta$  harus ditangani sebagai fitur, setara dengan Kasus dan kesesuaian (*agreement*) (Hornstein 1999, 2001; Manzini dan Rossou 2000).

awalan *meN-* dalam bahasa Indonesia. Ayat di bawah tidak gramatis jika makna yang cuba disampaikan adalah tafsiran bersilang, di mana yang memiliki keinginan adalah Amir.

- (38) Bahasa Indonesia (Polinsky dan Potsdom 2008: (73))  
\*Surat ini ingin terbaca oleh Amir.  
(Untuk tafsiran bersilang)

Penulis telah mendakwa bahawa dalam bahasa Melayu awalan *di-* mempunyai fitur EPP manakala awalan *meN-* tidak. Perhatikan bahawa tidak terdapat apa-apa intrinsik dengan bentuk awalan yang menentukan sama ada awalan berkenaan mempunyai fitur EPP atau sebaliknya. Jika demikian, kemungkinan terdapat kelainan-kelainan bahasa Melayu/Indonesia yang juga mempunyai bentuk awalan yang berkoresponden dengan awalan *meN-* dan *di-* dalam bahasa Melayu Formal Standard, yang dibincangkan dalam makalah ini, tetapi spesifikasi fitur EPPnya berbeza daripada *meN-* dan *di-* dalam bahasa Melayu Formal Standard. Salah satu calon untuk kelainan seumpama itu ialah bahasa Indonesia Riau. Berdasarkan pemerian Gil (2002), kelainan bahasa Melayu ini mempunyai awalan *N-* yang berkoresponden dengan *meN-*. Namun, nampaknya ia membolehkan tafsiran bersilang seperti awalan *di-*.

- (39) Bahasa Indonesia Riau (Gil 2002:(35))  
[Sekumpulan pemuda penggilap kasut duduk-duduk, seorang menyuruh penutur untuk pergi menggilap kasut, dia balas]  
Orang tak mau **ny-**(s)imer lagi. [*simer* ‘gilap’]  
‘Orang tidak mahu kasut mereka digilap lagi.’  
(Bukan ‘Orang tidak mahu menggilap kasut mereka lagi.’)

Menurut analisis Gil (2002), ayat di atas dapat dikatakan melibatkan kawalan lucu kerana argumen luaran bagi *mau* (iaitu pemilik perasaan kemahuan) dianggap sama bukan dengan argumen luaran implisit bagi kata kerja *simer* ‘gilap’ (iaitu ‘penggilap’), iaitu penutur, tetapi dengan benefaktif atau orang yang bermanfaat.<sup>17</sup>

Jika bahasa Indonesia Riau mempunyai binaan kawalan lucu dengan awalan *N-* seperti (39), maka adalah diramalkan bahawa pengambilan argumen tidak dihalang oleh awalan *N-* dalam bahasa itu. Ramalan demikian dapat dibuat kerana menurut analisis kawalan lucu yang dicadangkan oleh penulis dalam makalah ini, kedua-dua fenomena, iaitu pemberian peranan- $\theta$ , yang memainkan peranan penting dalam kawalan lucu, dan pengambilan argumen, berlandaskan kekangan kesetempatan yang sama. Ramalan ini ternyata betul. Gil (2002) secara meyakinkan menunjukkan bahawa urutan kata dalam bahasa Indonesia Riau jauh lebih fleksibel berbanding dengan bahasa Melayu/Indonesia yang standard.

---

<sup>17</sup>Penulis belum pasti sama ada ayat ini sememangnya contoh ayat kawalan lucu seperti mana yang didakwa oleh Gil. Ini kerana terdapat dua analisis alternatif yang berkemungkinan bagi ayat ini. Pertama, dalam bahasa Melayu Lisan perkataan *orang* dapat merujuk kepada penutur. Jika bahasa Indonesia Riau pun demikian, makna ayat ini adalah ‘Saya tidak mahu menggilap kasut’. Makna ini juga sesuai dengan konteks yang diberikan. Kedua, dalam bahasa Jepun ayat *Watasi(-wa), kami(-o) kiritakunai* yang bermaksud ‘Saya tidak mahu menggantung rambut sendiri’ secara harfiah boleh juga bermaksud ‘Saya tidak mahu bergunting rambut (oleh orang lain)’. Tafsiran yang kedua hasil daripada faktor lain daripada kawalan lucu, misalnya inferen pragmatik, kerana bahasa Jepun tidak mempunyai kawalan lucu. Ada kemungkinan bahasa Indonesia Riau pun seperti bahasa Jepun. Kedua-dua analisis alternatif ini tidak bergantung kepada kewujudan kawalan lucu.

## Lampiran Contoh Lanjut

Ayat-ayat (a) dan (b) masing-masing adalah contoh tafsiran kawalan biasa dan tafsiran bersilang.

- (40) berani
- Borhan seakan-akan mencabar bangsa Melayu, khususnya cendekiawan Melayu-masa kini, dalam hal memartabat dan mempertahankan kebudayaan kebangsaan, sehingga akhirnya ia **berani dicabar** kelompok tertentu di negara ini. (Berita Harian, 03/05/2001)
  - Jika dihayati titah Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra kelmarin, sebenarnya bukan sahaja baginda tetapi semua orang Melayu dapat merasai petunjuk bahawa kedaulatan dan ketuanan Melayu kini semakin **berani dicabar**. (Utusan Malaysia, 24/05/2008)
- (41) berjaya
- Syarikat Kumpulan Binladin **berjaya dipilih** untuk membina jambatan itu. (Utusan Malaysia, 18/01/2006)
  - Menurut seorang jurucakap polis, lelaki itu telah **berjaya dikesan** seterusnya ditahan di Alor Star, Kedah. (Bacaria, 21/03/2007)
- (42) berhak
- Mereka mendakwa pelajar juga **berhak diberi** ruang bagi menyuarakan isu-isu kepemimpinan negara, pentadbiran dan masa depan negara? (Berita Harian, 18/02/2001)
  - Harta pusaka yang tidak ada ahli waris atau yang tidak habis diambil oleh ahli waris adalah **berhak diberi** kepada Zawu al Arham daripada harta peninggalan pusaka. (e-fatwa, [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_warta\\_view.asp?keyID=972](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_warta_view.asp?keyID=972), diakses 06/06/2008)
- (43) berhasil
- Indo* Dibawah kepemimpinan Soekarno, Indonesia berhasil mempertahankan kemerdekaannya dari tangan-tangan asing yang ingin masuk lagi ke Negara kita dan Indonesia **berhasil diakui** oleh dunia luar sebagai sebuah negara baru, tetapi sayang gaya kepemimpinan Soekarno yang sebelumnya demokratis menjadi otoriter. (BLOGLEPPO: Bangkitlah, Mahasiswa Indonesia, <http://blogleppo.blogspot.com/2006/05/bangkitlah-mahasiswa-indonesia.html>, diakses 07/06/2008)
  - Dua daripada tiga syarikat sendirian berhad iaitu Sungai Harmoni SdnBhd dan Taliworks (Langkawi) Sdn Bhd **berhasil diambil alih** 100 peratus. (Berita Harian, 14/11/2000)
- (44) berusaha
- Mereka tidak sepatutnya berbangga mewakili negeri saja tetapi cuba **berusaha disenaraikan** dalam skuad kebangsaan. (Berita Harian, 23/01/2001)
  - Umumnya, apabila seseorang remaja bawah umur mendapat jagaan kami, kami akan **berusaha diletakkan** di bawah jagaan keluarga angkat paling sesuai. (Berita Harian, 18/02/2001)
- (45) cuba
- Ya allah! Sekelip mata kau merampas dia dariku... Kau bawa ia pergi

dariku... Semalam aku menyemai cinta.... Hari ini cinta itu dirampas, lantaran kuasaMu... Aku gagahi diri untuk pasrah.... Berkali pun aku belajar bercinta.... Berjuta kali pun aku **cuba dicintai**.... Cinta itu tetap bukan milikku.... Kematian penyudah cintaku... (Tokeikedai Online Hyper Portal: Cinta...Bukan Milikku 10, [http://www.tokeikedai.net.my/v8/index.php?module=News&func=main&name=News&file=article&sid=5055&comments\\_startnum=1](http://www.tokeikedai.net.my/v8/index.php?module=News&func=main&name=News&file=article&sid=5055&comments_startnum=1), diakses 07/06/2008)

- b. Kenangan hitam yang dilalui semasa usia remajanya terus **cuba dilupakan**. (Dewan Masyarakat, Mac 2006, hlm. 17)

(46) enggan

- a. JIKA boleh, dia **enggan dikenali** sesiapa malah jiran tetangga pun tidak mengetahui pekerjaannya yang sebenar. (Harian Metro, 17/11/2007)
- b. Dalam hubungan ini, kata beliau, meskipun negara ini memberi kerjasama dalam banyak kes melibatkan keganasan, sumbangan itu dianggap tidak setimpal dan **enggan diiktiraf**. (Utusan Malaysia, 29/02/2002)

(47) gagal

- a. Menurut Suhaimi, kebanyakan pelajar yang mendapat lima A di peringkat UPSR turut **gagal ditempatkan** di sekolah asrama penuh. (Utusan Malaysia, 05/06/2002)
- b. Sementara itu, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Chia Kwang Chye **gagal dihubungi** sejak pagi tadi bagi mendapatkan pengesahan. (Utusan Malaysia, 06/01/2006)

(48) hendak (*lisan* nak)

- a. “Selepas membuka mata dan terjaga, Along dan Angah terus minta air, barangan mainan dan mereka **hendak didukung**... tapi saya kata tak boleh dukung, mereka masih sakit. (Utusan Malaysia, 25/09/2002)
- b. Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, Kuala Lumpur memerlukan kerjasama Singapura sekiranya rancangan menghubungkan dua ibu negara ASEAN dengan kereta api laju **hendak dilaksanakan**. (Utusan Malaysia, 14/04/2002)

(49) ingin

- a. Dari dahulu sehingga sekarang golongan remaja merupakan salah satu isu hangat yang dibincangkan dan dikaji oleh pengkaji, ahli psikologi dan **ingin difahami** oleh masyarakat. (Unit Kaunseling – Memahami Remaja, [http://www2.uitm.edu.my/hep/uk/index.php?option=com\\_content&task=view&id=69&Itemid=1](http://www2.uitm.edu.my/hep/uk/index.php?option=com_content&task=view&id=69&Itemid=1), diakses 07/06/2008)
- b. “Bagaimanapun jika pasar tani kekal **ingin diwujudkan**, FAMA dan pihak kerajaan terpaksa menyediakan tapak kekal melalui sistem sewaan atau pajak,” tambahnya. (Utusan Malaysia, 13/02/2006)

(50) layak

- a. Pegawai tinggi kerajaan yang gagal mengisytiharkan aset mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib dan tidak **layak diberi** kenaikan pangkat. (Utusan Malaysia, 13/02/2006)
- b. Katanya, lagu-lagu yang disiarkan oleh radio itu tidak boleh dikategorikan sebagai genre klasik kerana status tersebut hanya **layak diterima** oleh lagu-lagu yang berusia 200 tahun ke atas. (Laman Web Pengurusan Maklumat

Strategik BPMS, Kementerian Penerangan Malaysia – RIMA: Tokoh budaya sokong PM, [http://bpms.kempen.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=168&Itemid=61](http://bpms.kempen.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=168&Itemid=61), diakses 07/-6/2008)

- (51) mahu (*lisan* mau)
- Menurutnya, amalan cara hidup sekarang yang diwarisi sejak turun-temurun perlu diubah sekiranya masyarakat itu secara keseluruhannya **mahu dilihat** duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum-kaum lain di negara ini. (Utusan Malaysia, 22/01/2006)
  - “Jika etika **mahu dijadikan** aspek penting dalam pembinaan semula ini, Islam sebagai agama rasmi mesti memainkan peranan utama,” katanya. (Utusan Malaysia, 21/02/2002)
- (52) malas
- Fathil mengakhiri perbualan dengan tiba-tiba. **Malas dilayannya** lagi gadis itu. Dia masuk ke compartment Umar. (Hatiku Milikmu, <http://msmcork.files.wordpress.com/2008/03/hatiku-milikmu.pdf>, diakses 07/06/2008)
  - Ucapan pemimpin di Malaysia **malas didengar** oleh orang awam kerana meleret dan superbombastik. (Mari Membaca << halwa romantis, <http://romantis.wordpress.com/2006/11/14/mari-membaca/>, diakses 07/06/2008)
- (53) malu
- Bahasa Indonesia* Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) mengemukakan, Indonesia sangat **malu disebut** sebagai bangsa terkorup. (Suara Merdeka, 21/05/2005)
  - Mengapakah buku-buku agama **malu dibaca** di tempat-tempat awam? (Universiti Terbuka PTS: Malu Membaca Buku Agama, <http://ainonmohd.blogspot.com/2005/08/malu-membaca-buku-agama.html>, diakses 07/06/2008)
- (54) mampu
- Malah dia merasakan lagu-lagu Nafas Cahaya, dendangan Misha Omar dan ciptaan sifu M. Nasir serta lirik oleh Loloq dan lagu Bisakah (Aubrey Suwito/Tessh RS) **mampu dipilih** Lagu Terbaik oleh lima juri profesional iaitu Datuk Wah Idris, penyanyi Nurul, komposer S. Atan, Helen Yap dan diketuai Asnawi Mutaal. (Utusan Malaysia, 01/05/2007)
  - Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Maruan Mohd. Said berkata, pihaknya percaya promosi terbaru itu akan menjadikan kereta-kereta Proton lebih **mampu dimiliki** oleh rakyat Malaysia. (Utusan Malaysia, 31/03/2006)
- (55) rela
- Aku lebih **rela dipanggil** kakak daripada dipanggil PUAN. (Putaran Hidup, [http://madulebah.blogspot.com/2007/02/blog-post\\_07.html](http://madulebah.blogspot.com/2007/02/blog-post_07.html), diakses 22/06/2008)
  - Bahasa Indonesia* Pernah pula sekali dimandikannya hewan itu. Si Pus rupanya tak nyaman mandi dengan air dan busa sabun. Akibatnya, cakaran dan gigitan pun harus **rela diterima** Adik. (Si Pus, [http://sukmakutersenyum.multiply.com/journal/item/55/Si\\_Pus](http://sukmakutersenyum.multiply.com/journal/item/55/Si_Pus), diakses 22/06/2008)
- (56) sempat
- Penderitaan Muhd. Fakhrol mendapat perhatian umum ekoran kematian seorang kanak-kanak yang menghidap penyakit yang sama, Sofea Qhairunnissa Ali, 15 bulan, pada 27 Ogos lalu sebelum **sempat dibedah** kerana

- menunggu derma bagi mencukupkan kos pembedahan sebanyak RM265,000. (Utusan Malaysia, 10/11/2002)
- b. Kejadian itu **sempat disaksikan** oleh abang mangsa, Cheng Chong yang ketika itu turut melabuhkan pukut lebih kurang 1 batu nautika dari bot yang diculik oleh lanun Indonesia. (Utusan Malaysia, 19/06/2002)
- (57) suka
- a. “Tetapi saya lebih **suka dibedah** di sini sebab saya mempunyai keyakinan terhadap doktor Malaysia. (Utusan Malaysia, 09/09/2002)
- b. *Bahasa Melayu Singapura* Otak-otak berasal dari tiga negara iatu Malaysia, Singapura dan Indonesia. Ia **suka dimakan** di negeri-negeri lain. (Si Anak Warisan: Asal Makanan Melayu Singapura, <http://sianakwarisan.blogspot.com/2007/03/asal-makanan-melayu-singapura.html>, diakses 11/06/2008)
- (58) takut
- a. Katanya, dia juga tidak **takut didakwa** semula kerana inilah peluang untuk membuktikan bahawa dirinya tidak bersalah. (Utusan Malaysia, 16/06/2006)
- b. Bagi seorang Muslim, bidang biotek tidak seharusnya menjadi asing dan **takut didekati**. (Utusan Malaysia, 18/05/2007)
- (59) terpaksa
- a. Mereka sentiasa mengekalkan suasana harmoni dan tidak mengadakan sebarang mogok, walaupun gaji mereka tidak seperti yang dituntut oleh mereka dan adakalanya mereka **terpaksa diberhentikan** kerja. (Utusan Malaysia, 21/09/2002)
- b. Namun menurutnya, segala-galanya **terpaksa dikorbankan** demi kasih sayang kepada adiknya, malah tidak pernah terlintas perasaan jemu untuk terus menjaga Fatimah yang dilahirkan sebagai insan istimewa itu. (Utusan Malaysia, 10/01/2006)

## Rujukan

- Abdullah Hassan. 1974. *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aldridge, Edith. 2005. Phase theory account of absolutive extraction in Tagalog. Dlm *MIT working papers in linguistics 49: Perspectives on phases*, peny. Martha McGinnis dan Norvin Richards, 1–28.
- Aldridge, Edith. 2008. Phase-based account of extraction in Indonesian. *Lingua* 118:1440–1469.
- Arka, I Wayan. 2000. Control and argument structure: Explaining control into subject in Indonesian. Kertas kerja yang dibentangkan di 4th International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics (ISMIL).
- Bošković, Željko. 1994. D-Structure, Theta Criterion, and movement into theta positions. *Linguistic Analysis* 24:247–273.
- Chomsky, Noam. 2000. Minimalist inquiries: The framework. Dlm *Step by step: Essays*

- on minimalist syntax in honor of Howard Lasnik*, peny. Roger Martin, David Michaels dan Juan Uriagereka, 89–156. Cambridge, MA.: MIT Press.
- Chomsky, Noam. 2001. Derivation by phase. Dlm *Ken Hale: A life in language*, peny. Michael Kenstowicz, 1–52. Cambridge, MA.: MIT Press.
- Cole, Peter, dan Gabriella Hermon. 1998. The typology of wh-movement: Wh-questions in Malay. *Syntax* 1:221–258.
- Cole, Peter, Gabriella Hermon, dan Yanti. 2008. Voice in Malay/Indonesian. *Lingua* 118:1500–1553.
- Fortin, Catherine R. 2007. Indonesian sluicing and verb phrase ellipsis: Description and explanation in a minimalist framework. Tesis PhD, Universiti Michigan.
- Fukuda, Shin. 2007. On the control/raising ambiguity with aspectual verbs: A structural account. *ZAS Paper* 47:159–195.
- Gil, David. 2002. The prefixes *di-* and *N-* in Malay/Indonesian dialects. Dlm *The history and typology of Western Austronesian voice systems*, peny. Fay Wouk dan Malcolm Ross, 241–283. Canberra: Pacific Linguistics.
- Gruber, Jeffrey S. 1965. Studies in lexical relations. Tesis PhD, MIT.
- Guilfoyle, Eithene, Henrietta Hung, dan Lisa Travis. 1992. Spec of IP and Spec of VP: Two subjects in Austronesian languages. *Natural Language and Linguistic Theory* 10:375–414.
- Hassal, Tim. 2005. Taboo object relative clauses in Indonesian. Dlm *SEALS XV: Papers from the 15th meeting of the Southeast Asian Linguistics Society*, peny. Paul Sidwell, 1–18. Canberra: Pacific Linguistics.
- Hornstein, Norbert. 1999. Movement and control. *Linguistic Inquiry* 30:69–96.
- Hornstein, Norbert. 2001. *Move! A minimalist theory of construal*. Oxford: Blackwell.
- Hornstein, Norbert, Jairo Nunes, dan Kleanthes K. Grohmann. 2005. *Understanding minimalism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jackendoff, Ray. 1972. *Semantic interpretation in generative grammar*. Cambridge, MA.: MIT Press.
- Kaswanti Purwo, Bambang. 1984. *Deiksis dalam bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Manzini, M. Rita, dan Anna Roussou. 2000. A minimalist theory of A-movement and control. *Lingua* 110:409–447.
- McCloskey, James. 2002. Resumption, successive cyclicity, and the locality of operations. Dlm *Derivation and explanation in the minimalist program*, peny. Samuel David Epstein dan T. Daniel Seely, 184–226. Oxford: Blackwell.
- Musgrave, Simon. 2001. Non-subject arguments in Indonesian. Tesis PhD, Universiti Melbourne.

- Polinsky, Maria, dan Eric Potsdam. 2008. The syntax and semantics of wanting in Indonesian. *Lingua* 118:1617–1639.
- Saddy, Douglas. 1991. WH scope mechanism in bahasa Indonesia. Dlm *MIT working papers in linguistics 15: More papers on wh-movement*, peny. Lisa L.S. Cheng dan Hamida Demirdash, 183–218.
- Sato, Hirobumi R. 2004. *Kajian semula unsur utama wajib dalam ayat bahasa Melayu*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Shoho, Isamu. 1995. Mareeshiago no IP-kouzou to ninshoukei. *Toukyou Gaikokugo Daigaku Ronshuu* 51:99–117.
- Shoho, Isamu. 1999. Penggolongan ayat komplemen frasa kata kerja. *Gogaku Kenkyuujo Ronshuu* 4:1–16.
- Shoho, Isamu. 2004. Mareeshiago no COD koubun. Dlm *Gengojouhougaku kenkyuuhokoku 3*, peny. Yoichiro Tsuruga, Naotoshi Kurosawa, dan Kazuyuki Urata, 79–110. Universiti Bahasa Asing Tokyo.
- Shoho, Isamu. 2007. Vacillation in the selection of complementizers in Malay transitive verbs. Dlm *Corpus-based perspectives in linguistics*, peny. Yuji Kawaguchi, Toshihiro Takagaki, Nobuo Tomimori, dan Yoichiro Tsuruga, 337–351. Amsterdam: John Benjamins.
- Soh, Hooi Ling. 1998. Certain restrictions on A-bar movement in Malay. Dlm *Proceedings of the Third and Fourth Meetings of Austronesian Linguistics Association 1996-1999*, peny. Matthew Pearson, 295–308. Jabatan Linguistik, UCLA.
- Tjung, Yassir. 2006. The formation of relative clauses in Jakarta Indonesian: A subject-object asymmetry. Tesis PhD, Universiti Delaware.
- Verhaar, John W.M. 1988. Syntactic ergativity in contemporary Indonesian. Dlm *Studies in Austronesian linguistics*, peny. Richard McGinn, 347–384. Athens, Ohio: Ohio University Center for International Studies, Center for Southeast Asia Studies.
- Wyner, Adam Zachary. 1998. Subject-oriented adverbs are thematically dependent. Dlm *Events and grammar*, peny. Susan Rothstein, 333–348. Dordrecht: Kluwer.